

PANDUAN PERKHIDMATAN



Kami menawarkan produk-produk takaful melalui pihak agensi, rakan kongsi bank, saluran atas talian, dan lain-lain. Jika anda bercadang untuk menyertai produk takaful yang dipasarkan oleh ejen-ejen kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambah seperti yang dinyatakan.

Perkhidmatan yang anda boleh harapkan daripada Ejen kami

SEBELUM ANDA MENYERTAI PELAN TAKAFUL

✓ **MEMBANTU**

- Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan kewangan dan keperluan risiko anda.
- Mencadangkan pelan Takaful yang sesuai berdasarkan fakta-fakta yang diberikan di dalam borang.

✓ **MENERANGKAN**

- Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, sumbangan dan caj-caj.
- Menyediakan Helaian Penerangan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan memudahkan anda membuat perbandingan produk.

APABILA ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENYERTAI PELAN TAKAFUL

✓ **MEMBANTU**

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat.
- Menyediakan maklumat untuk penamaan dan/atau hibah untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar diterima oleh penama atau benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.
- Mengemukakan permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan.
- Mengatur pemeriksaan perubatan dengan salah satu daripada klinik panel kami, jika perlu.

✓ **MENERANGKAN**

- Sijil Takaful akan dihantar kepada anda (dengan tangan atau melalui pos) dalam masa xx hari.
- Menerangkan syarat-syarat dan terma-terma sijil untuk memastikan bahawa ini adalah pelan Takaful yang sesuai yang telah disertai oleh anda.

SEMASA TEMPOH PELAN TAKAFUL

✓ **PERKHIDMATAN SIJIL BERTERUSAN**

- Membantu dalam proses pembaharuan sijil.
- Menyediakan perkhidmatan berterusan seperti pengubahsuaian sijil, pertukaran alamat dan kekerapan sumbangan. Jika ejen telah meninggalkan Syarikat, kami akan melantik ejen baru untuk memberi perkhidmatan kepada anda.

✓ **MEMBANTU ANDA DALAM MEMBUAT TUNTUTAN TAKAFUL**

- Membimbing anda untuk melalui prosedur standard bagaimana membuat tuntutan insurans.